

**PEMBERIAN DISKAUN
YURAN ASRAMA, PERKHIDMATAN DAN AKTIVITI
KEPADA PELAJAR TEMPATAN
SEMESTER 2 SESI 2020/ 2021
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Kepada semua pelajar UPSI yang dikasihi,

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-133 Bil.1/2021 pada 10 Mac 2021 bersetuju meluluskan pengurangan 15% yuran yang berjumlah RM1,059,697.60 melibatkan komponen yuran seperti berikut :-

- Yuran asrama
- Yuran perkhidmatan
- Yuran kemudahan ICT
- Yuran makmal
- Yuran kesihatan
- Yuran sukan, dan
- Yuran khas

Pengurangan yuran ini adalah seiring dengan arahan YB Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad semasa sidang Dewan Rakyat pada 15 Julai 2020.

Pengurangan yuran sebanyak 15% ini melibatkan yuran asrama, perkhidmatan dan aktiviti kepada semua pelajar tempatan yang mengikuti pengajian dalam Semester 2 Sesi 2020/2021.

Pihak Jabatan Bendahari akan memproses pemberian diskaun yuran mengikut kategori berikut:

BIL	KAEDAH PEMBERIAN DISKAUN	KATEGORI
1.	Bayaran balik diskaun kepada pelajar yang tiada tunggakan yuran	1. Diploma
2.	Pelarasan kurangan yuran kepada pelajar yang mempunyai tunggakan yuran	2. Sarjana Muda Ambilan Baru Semester 2 2020/2021
		3. Pasca Siswazah
3.	Yuran telah dicaj dengan kadar diskaun	1. Sarjana Muda Ambilan Semester 1 2020/2021 dan Sebelum

Tempoh proses pemberian diskaun bermula dari tarikh pengumuman ini sehingga 30 April 2021 kerana jumlah yang terlibat adalah besar dan pihak Jabatan Bendahari memerlukan sedikit masa untuk memproses bayaran balik ini. Pemberian diskaun melalui kaedah bayaran balik yuran akan dimasukkan terus ke akaun bank para pelajar nanti.

Semoga pengurangan yuran ini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar yang dikasihi.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Bendahari
Universiti Pendidikan Sultan Idris
26 Mac 2021

